

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13/01/2018

# Dr M patut calon Azmin jadi PM

BH-13/1/2018 pg. 5

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad sepatutnya mencadangkan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebagai calon perdana menteri jika benar beliau enggan memegang kembali jawatan nombor satu negara itu jika pembangkang memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Ahli Panel Pemikir Biro Penerangan UMNO, Datuk Lokman Noor Adam, berkata amat melucukan apabila Dr Mahathir yang mengidam kerusi perdana menteri, tiba-tiba mendakwa beliau tidak mahukan jawatan berkenaan, sebaliknya memberi alasan dipaksa pemimpin pakatan pembangkang.

Katanya, Pengerusi Parti Prihumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu perlu berhenti mengeluarkan kenyataan sedemikian kerana ramai membuat tafsiran beliau ingin mencipta sejarah

sebagai perdana menteri tertua di dunia selain mahu menyelamatkan kedudukan anak dan kroninya.

“Jika benar Dr Mahathir dipaksa, umumkan sahaja Azmin sebagai calon perdana menteri pakatan pembangkang kerana faktor usianya yang lebih muda dan berpengalaman mentadbir Selangor.

## Tak fikir Azmin tolak

“Saya tidak fikir Azmin akan tolak (cadangan itu). Ia berdasarkan maklum balas negatif keluarga dan penyokong beliau (Azmin) satu atau dua hari ini selepas Dr Mahathir diumumkan sebagai calon perdana menteri pakatan pembangkang,” katanya kepada BH, semalam.

Dr Mahathir pada satu majlis di Pontian, Johor, semalam, mendakwa beliau tidak mahu menjadi perdana menteri jika pakatan pembangkang mena-

wan Putrajaya, sebaliknya diminta untuk menjawat jawatan itu sekiranya pembangkang menang PRU-14.

Bekas Perdana Menteri juga mendakwa beliau sebenarnya mahu berehat, namun tidak dapat berbuat demikian sejak menyerahkan jawatan itu kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi yang kemudian didakwanya ‘buat kacau’.

Lokman berkata, Dr Mahathir harus sedar yang pemilihan beliau sebagai calon perdana menteri pembangkang tidak dilakukan secara konsensus, malah mendapat bantahan daripada kepimpinan PKR.

## Perlu kaji semula keputusan

Sementara itu, Ketua Penerangan UMNO Kelantan, Datuk Mohd Alwi Che Ahmad, berkata jika benar Dr Mahathir dipaksa menjadi perdana menteri, pa-

katan pembangkang perlu mengkaji semula keputusan awal mereka.

“Pakatan pembangkang tidak boleh mempunyai seseorang yang menjadi pendesak. Perannya amat penting dan ia tidak boleh dibuat main. Ini urusan mentadbir negara, bagaimana seseorang yang mendakwa sudah letih dan dipaksa, diberi tanggungjawab memimpin negara?” katanya.

Beliau turut berkata, calon perdana menteri sepatutnya adalah individu yang penuh tenaga dan berwawasan untuk terus mara ke hadapan.

Pengerusi Biro Keharmonian Agama MCA, Datuk Seri Ti Lian Ker pula berkata, Dr Mahathir tidak bersikap jujur dalam tindakan dan kata-katanya dalam politik kerana selepas sekian lama, baru kini beliau hendak menduduki semula jawatan perdana menteri.